

**NGO Asean Desak Pemimpin Myanmar Selesai Isu Keganasan Terhadap Rohingya
Bernama
1 Ogos, 2012**

SEPANG, 1 Ogos (Bernama) -- Sebanyak 12 wakil badan bukan kerajaan (NGO) Asean Rabu berlepas ke Myanmar bagi mendesak kerajaan itu lebih bersungguh-sungguh dalam menghentikan keganasan terhadap umat Islam Rohingya di sana.

Antara NGO berkenaan ialah Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (Mapim), Pertubuhan Ikram Malaysia, 'Al-Ihsan Association For Islamic Education and Development Cambodia' dan 'Young Muslims Association of Thailand'.

Setiausaha Agung Mapim Mohd Azmi Abdul Hamid yang mengetuai delegasi itu, berkata pertemuan dengan Presiden Myanmar Thein Sein dan pemimpin Liga Demokrasi Kebangsaan Aung San Suu Kyi sedang diatur, bagi membincangkan isu tersebut.

"Kita juga akan meminta kerajaan Myanmar untuk membenarkan agensi luar menyampaikan bantuan kepada mereka ini," katanya kepada pemberita di Terminal Penerbangan Tambang Murah, di sini Rabu.

Mohd Azmi berkata delegasi itu juga akan berjumpa dengan ketua agama Buddha di sana dan menteri hal ehwal agama bagi menyampaikan surat daripada Pertubuhan Sami Buddha Siam Malaysia yang turut membantah keganasan tersebut.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=684842>

